

Sektor pertanian diperkukuh

Institusi latihan seluruh negara digabung untuk lahir lebih ramai tenaga terlatih

Oleh Roselan Ab Malek

JERANTUT: Semua 41 institusi latihan pertanian, ternakan dan perikanan di seluruh negara akan digabungkan serta dipertingkatkan keupayaan sebagai langkah awal untuk melahirkan lebih ramai tenaga terlatih tempatan dalam sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peranan institut latihan pertanian sedia ada akan dikaji semula selaras dengan keperluan institusi berkenaan.

"Ia akan dipertingkatkan keupa-

yaan selaras hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai petani moden yang bukan saja mampu mengeluarkan hasil pertanian, tetapi turut memproses serta memasarkan hasil di negara ini dan untuk eksport.

"Hasrat untuk melahirkan modal insan yang terlatih dalam bidang pertanian dengan menggerakkan perkembangan industri pertanian negara perlu dilakukan segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Jerantut di sini, petang semalam.

Beliau berkata, institusi berkenaan hanya mampu mengeluarkan ki-

FAKTA NOMBOR

Latihan pertanian

41

Institusi latih tenaga tani

6,000

Pegawai terlatih

ra-kira 6,000 pegawai terlatih dalam pelbagai bidang pertanian dan bilangan itu masih belum mencukupi.

Muhyiddin berkata, kekurangan itu bukan saja berlaku terhadap pegawai pada peringkat bawahan tetapi juga peringkat atasan.

"Pada masa ini, kita tidak dapat mengisi beberapa kekosongan bagi jawatan yang lebih tertinggi terutama pada peringkat ijazah termasuk jawatan pegawai pengembangan pertanian dan pegawai penyelidik," katanya.

Katanya, saranan banyak pihak yang meminta diwujudkan semula Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang memfokuskan kepada sektor

pertanian komersial dan bernilai tinggi wajar mendapat perhatian dan pertimbangan kerajaan.

Naib Presiden Umno itu berkata, sebuah universiti yang menawarkan pelbagai kursus berteraskan disiplin, ilmu pertanian disifatkan amat penting pada masa ini dalam usaha kerajaan untuk melonjakkan lagi menjadi sektor penting ekonomi negara.

Katanya, UPM yang kini ditukar namanya kepada Universiti Putra Malaysia mempunyai fungsi dan tanggungjawab tersendiri dalam melahirkan graduan mahir dalam pelbagai bidang ilmu berteraskan pertanian.